

# PHARMANIAGA TICLOPIDINE TABLET 250MG

Ticlopidine Hydrochloride (250mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Pharmaniaga Ticlopidine Tablet
2. Bagaimana Pharmaniaga Ticlopidine Tablet berfungsi
3. Sebelum mengambil Pharmaniaga Ticlopidine Tablet
4. Cara menggunakan Pharmaniaga Ticlopidine Tablet
5. Semasa menggunakan Pharmaniaga Ticlopidine Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan Pelupusan Pharmaniaga Ticlopidine Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Pharmaniaga Ticlopidine Tablet

Pharmaniaga Ticlopidine Tablet digunakan untuk mencegah pembekuan darah.

Pharmaniaga Ticlopidine Tablet digunakan pada pesakit yang berisiko mendapat strok. Strok terjadi apabila darah beku menyumbat saluran darah di dalam otak.

Pharmaniaga Ticlopidine Tablet digunakan pada pesakit yang tidak boleh mengambil aspirin atau aspirin sudah tidak berfungsi lagi pada mereka.

Doktor anda juga berkemungkinan akan memberikan Pharmaniaga Ticlopidine Tablet untuk tujuan lain. Bertanyalah pada doktor anda tujuan ticlopidine diberikan pada anda. Pharmaniaga Ticlopidine Tablet tidak digalakkan diambil oleh kanak-kanak kerana tiada kajian dilakukan untuk mengetahui kesannya pada kanak-kanak.

Pharmaniaga Ticlopidine Tablet hanya boleh didapati dengan preskripsi doktor sahaja.

## Bagaimana Pharmaniaga

### Ticlopidine Tablet berfungsi

Ticlopidine tergolong dalam kumpulan ubat yang dipanggil perencat penggumpalan ‘platelet’. Ubat ini berfungsi dengan mengurangkan keupayaan sel pembekuan darah (platelet) dari melekat antara satu sama lain dan juga melekat pada dinding salur darah. Ini mengurangkan pembentukan darah beku pada tempat-tempat yang tidak dikehendaki seperti salur darah yang sempit.

### Sebelum mengambil

#### Pharmaniaga Ticlopidine Tablet

##### -Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Pharmaniaga Ticlopidine Tablet sekiranya anda mengalami alahan kepada ticlopidine atau bahan-bahan dalam kandungan ubat ini seperti yang tersenarai di akhir risalah ini.

Jangan mengambil ticlopidine sekiranya anda mengalami masalah perubatan berikut:

- sebarang gangguan darah seperti bacaan sel darah putih yang rendah, tiada sel darah putih atau bacaan platelet yang rendah
- sebarang masalah pendarahan yang masih aktif seperti ulser perut atau pendarahan dalam otak (pendarahan intrakranial)
- penyakit hati yang teruk atau jaundis kolestatik

Sekiranya anda tidak pasti sama ada anda patut mengambil Pharmaniaga Ticlopidine Tablet ini, bertanyalah dengan doktor anda.

Jangan mengambil Pharmaniaga Ticlopidine Tablet sekiranya sudah melepas tarikh luputnya seperti tertulis pada pek ubat ini.

Jangan mengambil Pharmaniaga Ticlopidine Tablet sekiranya ada tanda-tanda pek ubat ini sudah rosak

atau rupa tablet ini sudah tidak nampak elok lagi.

### -Sebelum mula mengambil Pharmaniaga Ticlopidine Tablet

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda ada alergi/alah terhadap sebarang ubat, makanan, bahan pengawet atau pewarna.

Beritahu doktor anda sekiranya anda hamil, merancang untuk hamil atau menyusukan bayi.

Doktor anda akan membincangkan risiko dan faedah mengambil Pharmaniaga Ticlopidine Tablet semasa hamil dan menyusukan bayi. Beritahulah doktor anda sekiranya sedang atau pernah mengalami sebarang masalah perubatan terutamanya masalah berikut:

- masalah hati
- masalah buah pinggang
- ulser perut
- baru menjalani pembedahan atau mengalami kecederaan
- paras kolesterol yang tinggi

Sekiranya anda belum memberitahu doktor anda masalah-masalah di atas, beritahulah mereka sebelum anda mula mengambil Pharmaniaga Ticlopidine Tablet.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu ahli farmasi anda ubat-ubatan yang anda ambil termasuklah semua ubat yang anda beli tanpa preskripsi dari kedai farmasi, supermarket atau kedai makanan kesihatan lain.

Sesetengah ubat boleh dipengaruhi oleh Pharmaniaga Ticlopidine Tablet atau boleh mengganggu tindakannya dalam badan.

Ini termasuklah ubat-ubatan berikut:

- heparin, enoxaparin, tinzaparin atau danaparoid, suntikan untuk mengelakkan darah beku
- warfarin, dipyridamole, clopidogrel atau ubat-ubatan lain

yang digunakan untuk menghalang darah beku

- ubat-ubatan untuk merawat artritis, kesakitan dan keradangan seperti aspirin dan ubat dalam kategori antiinflamasi bukan steroid (NSAIDs)
- theophylline, ubat digunakan untuk merawat asma atau masalah pernafasan yang lain
- antacid
- phenytoin, ubat yang digunakan untuk merawat sawan dan kekejangan

Doktor anda akan memberitahu anda apa yang harus anda lakukan sekiranya anda mengambil ubat-ubatan tersebut. Sekiranya anda tidak yakin sama ada anda ada mengambil ubat-ubat tersebut, periksalah dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Doktor atau ahli farmasi anda mempunyai maklumat berkaitan ubat-ubatan yang perlu diberi perhatian atau dielakkan semasa anda mengambil Pharmaniaga Ticlopidine Tablet.

### **Cara menggunakan Pharmaniaga Ticlopidine Tablet**

Ikutilah dengan berhati-hati segala arahan yang diberikan oleh ahli farmasi atau doktor anda. Arahan tersebut mungkin berbeza dari maklumat dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak memahami arahan yang tertulis pada label ubat ini, bertanyalah dengan hali farmasi, jururawat atau doktor anda untuk menerangkan kepada anda arahan tersebut.

#### **-Berapa banyak harus digunakan**

Dos yang biasa adalah sebiji dua kali sehari. Ikutilah semua arahan yang diberikan kepada anda oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan berhati-hati.

#### **-Bila perlu digunakan**

Telan ubat ini sepenuhnya dengan segelas air. Ambillah Pharmaniaga

Ticlopidine Tablet bersama-sama dengan makanan.

Mengambil Pharmaniaga Ticlopidine Tablet dengan makanan dapat membantu mengurangkan peluang anda untuk mendapat masalah gangguan perut.

#### **-Berapa lama perlu digunakan**

Sentiasalah mengambil Pharmaniaga Ticlopidine Tablet selama mana disarankan oleh doktor anda. Pharmaniaga Ticlopidine Tablet biasanya diambil utnuk jangkamasa yang lama untuk membantu mencegah strok.

#### **-Jika terlupa menggunakan**

Jika anda terlupa mengambil satu dos, ambil dos ini dengan segera sebaik sahaja teringat.

Walau bagaimanapun, jika sudah menghampiri waktu untuk dos berikutnya, biarkan sahaja dos yang terlupa tadi dan teruskan dengan dos yang berikutnya mengikut jadual pengambilan ubat. Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa dimakan itu.

#### **-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)**

Hubungi doktor anda atau pergi ke hospital yang berdekatan dengan segera. Jangan memandu sekiranya anda sudah terlebih mengambil ubat ini. Anda mungkin memerlukan pengawasan perubatan dengan segera.

### **Semasa menggunakan**

#### **Pharmaniaga Ticlopidine Tablet**

##### **-Perkara yang perlu dilakukan**

Sebelum mula mengambil ubat lain, beritahulah doktor atau ahli farmasi bahawa anda sedang mengambil Pharmaniaga Ticlopidine Tablet.

Beritahulah doktor, doktor gigi atau ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Pharmaniaga Ticlopidine Tablet.

Sekiranya anda hamil semasa mengambil Pharmaniaga Ticlopidine Tablet, beritahulah doktor anda.

Sekiranya anda akan menjalani pembedahan yang memerlukan anda dibius sepenuhnya, beritahulah doktor bahawa anda sedang mengambil Pharmaniaga Ticlopidine Tablet.

Sekiranya anda perlu menjalani prosedur pembedahan lain termasuk mencabut gigi, beritahulah doktor anda sedang mengambil Pharmaniaga Ticlopidine Tablet.

Pharmaniaga Ticlopidine Tablet mungkin menyebabkan masalah pendarahan yang berpanjangan pada sesetengah pesakit.

Sentiasalah memeriksa dengan doktor anda bagi memastikan doktor anda dapat memantau perkembangan anda.

Anda mungkin perlu melakukan ujian darah sebelum memulakan rawatan dan setiap dua minggu pada empat bulan pertama anda mengambil Pharmaniaga Ticlopidine Tablet.

Sesetengah pesakit akan mengalami neutropenia, satu keadaan di mana berlakunya pengurangan dalam jumlah nutrofil, sejenis sel darah putih dalam darah. Keadaan ini tidak biasa berlaku, tetapi sekiranya tidak dikesan awal akan menyebabkan pesakit medapat jangkitan yang teruk atau yang boleh membawa maut. Ujian darah yang kerap dilakukan dapat membantu mengesan keadaan ini lebih awal.

##### **-Perkara yang tidak boleh dilakukan**

Jangan berhenti mengambil Pharmaniaga Ticlopidine Tablet atau mengurangkan dos tanpa memeriksa dengan doktor anda terlebih dahulu.

Jangan biarkan anda kehabisan ubat Pharmaniaga Ticlopidine Tablet semasa bercuti atau berhujung minggu.

Jangan mengambil Pharmaniag Ticlopidine Tablet untuk merawat masalah lain kecuali atas arahan ahli farmasi atau doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain walaupun mereka mengalami masalah yang sama seperti anda.

#### Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan jentera berat sehingga anda pasti kesan Pharmaniaga Ticlopidine Tablet terhadap anda.

#### **Kesan-sesan sampingan**

Beritahulah doktor atau ahli farmasi anda segera sekiranya anda berasa tidak sihat semasa mengambil Pharmaniaga Ticlopidine Tablet.

Seperti kebanyakan ubat lain, Pharmaniaga Ticlopidine Tablet boleh mempunyai kesan sampingan yang tidak dikehendaki di kalangan sesetengah orang. Kadang-kadang kesan sampingan ini serius, tapi kebanyakan masa ianya tidak. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan sekiranya anda mendapatkan kesan sampingan tersebut.

Bertanyalah dengan doktor atau ahli farmasi anda sebarang persoalan yang berkaitan dengan kesan sampingan ini.

Jangan cemas dan bimbang dengan senarai kesan sampingan berikut. Anda mungkin tidak akan mengalaminya.

Beritahulah doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mengalami masalah berikut dan ianya membimbangkan anda:

- mual (rasa nak muntah), muntah
- sakit perut, masalah ketidakhadaman
- cirit-birit
- hilang selera makan
- kulit menjadi gatal atau ruam
- pening

Senarai di atas termasuk kesan sampingan yang biasa berlaku dengan uabt anda. Kesannya itu biasanya ringan.

Beritahulah doktor anda segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital berdekatan sekiranya anda mengalami masalah-masalah berikut:

- urin menjadi gelap dan najis berubah warna kecerahan, mata dan kulit menjadi kuning (jaundis)
- mudah lebam atau mudah berlaku pendarahan berbanding biasa, ada tanda-tanda lebam di bawah kulit atau kuku
- najis menjadi sangat gelap atau hitam
- tanda-tanda jangkitan kuman seperti demam, ketar sejuk, sakit tekak atau ulser mulut
- simptom-simptom tindak balas alergik seperti ruam pada kulit, kegatalan, bengkak pada muka, bibir atau lidah yang boleh menyebabkan kesukaran menelan dan bernafas; nafas berbunyi atau kesukaran bernafas.

Senarai di atas termasuklah kesan sampingan yang lebih serius. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan atau dirawat di dalam hospital. Kesan sampingan ini jarang berlaku.

Beritahulah doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda berasa tidak sihat semasa mengambil ubat ini atau selepas anda habis mengambil ubat ini. Kesan sampingan selain dari yang tertulis di atas mungkin juga berlaku pada sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my)  
(Consumers → Reporting)

#### **Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Ticlopidine Tablet**

##### - Penyimpanan

Sentiasalah menyimpan tablet anda di dalam pek blisternya sehingga anda tiba masa untuk anda mengambilnya.

Sekiranya anda mengeluarkan tablet tersebut dari pek blisternya, tablet tersebut tidak akan tersimpan elok.

Simpanlah ubat ini di tempat yang sejuk dan kering di mana suhunya sentiasa di bawah 25°C.

Jangan menyimpan ubat di dalam bilik mandi, berdekatan dengan sinki atau tingkap.

Jangan meninggalkan ubat ini di dalam kereta semasa cuaca panas. Kepanasan dan kelembapan akan merosakkan sesetengah ubat.

Pastikan semua ubat tidak dapat dilihat dan dicapai oleh kanak-kanak. Jangan ambil ubat ini sekiranya telah melewati tarikh tamat tempoh yang dicetak pada bungkusannya.

##### - Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa buangan isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

#### **Maklumat lanjut**

##### - Rupa dan warna produk

Tablet putih bersalut lapisan nipis dan berbentuk bulat

##### - Bahan aktif:

##### -Bahan aktif:

Setiap tablet mengandungi Ticlopidine Hydrochloride 250mg

##### -Bahan -bahan tidak aktif:

Povidone 30, Citric Acid Monohydrate, Croscarmellose

Sodium, Microcrystalline Cellulose,  
Magnesium Stearate, Opadry II White

**Nombor MAL:**

MAL20040216A

**Pengilang:**

Pharmaniaga Manufacturing Berhad  
(60016-D),  
11A, Jalan P/1,  
Kawasan Perusahaan Bangi, 43650  
Bandar Baru Bangi, Selangor Darul  
Ehsan,  
Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran Produk:**

Pharmaniaga Manufacturing Berhad  
(60016-D),  
11A, Jalan P/1,  
Kawasan Perusahaan Bangi, 43650  
Bandar Baru Bangi, Selangor Darul  
Ehsan,  
Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP:**

27/08/2015

**Nombor Siri**

BPK(R4/1)180815/00254